

**Muhyiddin Akui Negara Pernah Dijajah
Bernama
5 Oktober, 2011**

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini menjelaskan bahawa negara pernah dijajah di bawah pengaruh British namun dalam konsep yang berbeza.

"Dulu British beri nasihat kepada raja...dalam konteks ini (istilah) 'the advice of commissioner must be accepted' makna walaupun mereka (raja) ada tapi tidak bebas dan terpaksa ikut nasihat British," katanya ketika menjawab soalan Azmin Ali (PKR-Gombak) pada persidangan Dewan Rakyat hari ini

Wakil pembangkang itu ingin tahu sama ada negara pernah dijajah kerana menurutnya pada zaman penjajahan, Sultan dan Raja masih wujud dan menurutnya fakta sejarah ini banyak mengelirukan orang ramai terutamanya pelajar sekolah.

Muhyiddin berkata atas konsep itu, perjuangan memerdekakan negara adalah perlu dan sumbangan pejuang seperti Tunku Abdul Rahman dan Datuk Onn Jaafar tidak boleh diketepikan.

Beliau berkata perjuangan kemerdekaan negara selama 54 tahun sehingga kini mempunyai signifikannya dan ianya tidak disambut pada setiap tahun dengan sia-sia.

"Itu faktor sejarah. Kalau tak, apa perlu perjuangan kita, tidak perlu debat panjang lebar, perkara diterima rakyat, 54 tahun sambut merdeka mesti ada signifikannya," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=617798>